

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH (KENYATAAN SEBUTHARGA)

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang mempunyai Sijil Pendaftaran (**PUKONSA**) di bawah Kod Bidang 21 Sub Kepala 210101, dan mempunyai Sijil Pengiktirafan Bumiputera yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri yang masih sah tempohnya bagi sebutharga seperti berikut:

Bil	Butiran Sebutharga	Rujukan Sebutharga	Nombor Sebutharga
1	MEMBEKAL INK DAN TONER PENCETAK KOMPUTER KEPADA PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH FASA 2 TAHUN 2021	PNS(S)300-5/3/1/Klt.5/(180)	PNS 04/2021

2. Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada waktu **pejabat mulai 05 Oktober 2021 hingga 11 Oktober 2021** dengan harga **RM15.00** (Ringgit Malaysia Lima Belas Sahaja) setiap satu di Aras 7, Pusat Pembayaran Setempat, Ibu Pejabat, **PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH (PNS)**, Jalan Tasik, Off Jalan Maktab Gaya, 88999 Kota Kinabalu. Dokumen Sebutharga tidak akan dijual selepas tarikh tutup.
3. Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada pembekal/syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Pembekal atau wakil-wakil pembekal hendaklah membawa bersama salinan pendua dan **SALINAN ASAL** Sijil Pendaftaran **PUKONSA** yang masih sah dan mempunyai **Kod Bidang 21 Sub Kepala 210101**.
4. Sebutharga mestilah dimasukkan ke dalam **SAMPUL TERTUTUP DAN BERLAKRI (SEALED)** yang ditanda dengan **Tajuk Sebutharga** dan **Nombor Sebutharga PNS 04/2021** diruang atas sampul surat.
5. Borang sebutharga hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga
Ibu Pejabat, Perpustakaan Negeri Sabah
Jalan Tasik, Off Jln Maktab Gaya
88300 KOTA KINABALU
6. Borang Sebutharga hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH** di Aras 2, Ibu Pejabat Perpustakaan Negeri Sabah, tidak lewat daripada **jam 10.30 pagi pada 12 Oktober 2021 (Selasa)**.
7. Borang sebutharga yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan di atas akan **ditolak**.
8. Jawatankuasa Sebutharga tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebutharga ini adalah ditanggung sendiri oleh pembekal.

**PENGARAH
PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH**